

Jangan berpecah so al agama

— PM
UM 27 APR 2002

ALOR SETAR 26 April — Umat Islam tidak boleh berpecah belah kerana soal agama walaupun masing-masing berbeza di segi fahaman politik, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad;

Menurut Perdana Menteri, mereka yang berfikir secara waras tidak akan sanggup berpecah belah kerana agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. hanya satu sahaja dan Islam pula menuntut umatnya agar bersatu padu.

"Sepatutnya kita bersatu untuk mendirikan masyarakat Islam yang kukuh dan dengan itu boleh membantu masyarakat Islam di negara lain yang memerlukan pertolongan," kata Dr. Mahathir ketika berucap selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra, Kuala Kedah, hari ini.

Dr. Mahathir menarik perhatian, umat Islam di seluruh dunia kini sedang hidup dalam keadaan terhina akibat ditindas oleh negara lain.

Menurut beliau, terdapat negara-negara Islam yang kaya seperti memiliki sumber minyak tetapi mereka tidak dapat membantu negara Islam lain walaupun ia merupakan satu kebajikan sesama Islam.

Apa yang menyedihkan, tegas beliau, jumlah penduduk Islam dunia begitu ramai, iaitu kira-kira 1,300 juta orang tetapi ada di antara mereka begitu lemah hingga bila dibunuh di depan mata pun, tidak ada yang mampu menolongnya.

'Tekanan

"Sebabnya, tiada perpaduan di kalangan umat Islam dan negara Islam sendiri masing-masing lebih mengutamakan kepentingan diri dan tidak sanggup menghadapi tekanan walaupun ingin membantunya," kata Dr. Mahathir.

Beliau menarik perhatian perkara itu setelah mendapati nasib yang menimpa rakyat Palestin tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya dari negara Islam.

Terdahulu ketika bercakap kepada pemberita selepas menutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002 di sini, Dr. Mahathir kesal kerana Pas tidak menggunakan kebijaksanaan mengikut cara Islam untuk mempengaruhi orang ramai.

Menurut beliau, para pemimpin parti itu menggunakan pendekatan bennusuh dengan orang Islam lain seperti menggelarkan mereka 'barua', 'firaun', mahazalim selain menuduh oran lain kafir dan menggunakan kata-kata kesat.

"Kalau baca buku baru yang ditulis oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, antaranya menyebutkan jika hendak memujuk orang perlu dijalankan dengan cara yang baik.

"Tetapi mereka (Pas) tidak pernah menggunakan cara baik. mereka hanya kata sahaja," katanya.